

68

NO. SOALAN : 69

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK WEE JECK SENG  
[ TANJONG PIAI ]**

**TARIKH : 12 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk memajukan industri pelancongan negara terutamanya Tanjong Piai yang juga merupakan tanah paling selatan di Benua Asia.

**JAWAPAN :**     **YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa berusaha untuk membangunkan produk pelancongan negara, termasuk kawasan-kawasan yang mempunyai potensi pelancongan seperti Tanjong Piai di Negeri Johor. Tanjong Piai merupakan sebuah destinasi pelancongan unik kerana ia merupakan penghujung selatan bagi Tanah Besar Asia. Kawasan ini juga telah diwartakan sebagai Taman Negara dan salah satu tapak RAMSAR iaitu hutan tanah lembab dan paya bakau yang dilindungi bagi mengimbangi eko-sistem semulajadi yang terdapat di negara ini.

Antara aktiviti pelancongan yang terdapat di Tanjong Piai adalah aktiviti memancing. Tanjong Piai adalah destinasi terbaik bagi penggemar pancing dan kepada mereka yang menggemari makanan laut. Tanjong Piai juga adalah kawasan penting penghijrahan burung-burung dari hemisfera utara ke selatan dan aktiviti 'bird watching' merupakan tarikan utama kepada pelancong dalam dan luar negara.

Untuk meningkatkan infrastruktur pelancongan di Tanjong Piai, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM3,229,749.85 di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) dan RM532,000.00 di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10).

Dari segi promosi Tanjung Piai, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui agensinya Tourism Malaysia telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i) Promosi melalui penyertaan Tourism Malaysia dalam pameran pelancongan *trade* dan konsumer di peringkat domestik dan antarabangsa;
- ii) Mengadakan Program Lawatan Suaikenal/Mega Fam ke Tanjung Piai untuk mendedahkan secara langsung produk-produk pelancongan yang ditawarkan kepada para pengusaha pelancongan dan wakil media asing dan tempatan bagi memberi liputan serta publisiti yang meluas;
- iii) Menganjurkan Misi Galakan ke luar negara di mana para pengusaha pelancongan tempatan berpeluang untuk berjumpa dan memperkenalkan pakej-pakej istimewa kepada pengusaha pelancongan di negara yang dilawati;
- iv) Menerbit serta mengedar risalah pelancongan yang turut memaparkan produk-produk pelancongan Tanjung Piai di dalam risalah Johor;
- vi) Menyebarkan maklumat mengenai produk pelancongan Tanjung Piai kepada pelancong melalui Pejabat Tourism Malaysia Negeri Johor dan 4 buah Pusat Penerangan Pelancongan di Johor serta melalui 44 buah Pejabat Tourism Malaysia di luar negara; dan

- vii) Penyediaan pelbagai pakej pelancongan oleh Tourism Malaysia dan agensi pelancongan tempatan untuk mempromosikan aktiviti pelancongan Tanjung Piai. Tourism Malaysia juga menyiarkan pakej-pakej ini di laman web Tourism Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR.S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH  
FADZIR [ KULIM BANDAR BAHARU ]  
TARIKH : 12 MAC 2015  
SOALAN :**

**YB Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah terkini pegawai perubatan atau doktor di hospital Kerajaan dan nisbahnya dengan penduduk Malaysia kini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman YB Kulim Bandar Baharu, berdasarkan Health Facts 2014 yang diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), jumlah Pegawai Perubatan di negara ini adalah seramai **46,916** orang. Daripada jumlah tersebut, seramai **28,949** Pegawai Perubatan berkhidmat di KKM. Nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk pula adalah **1 Pegawai Perubatan untuk 633 penduduk (1:633)**.